

# Pelabur kita dihormati kerana mesra, kepakaran

**Hanoi:** Komuniti pelabur Malaysia di luar negara perlu mengekalkan status mereka sebagai ahli perniagaan yang dihormati, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pelabur dan ahli perniagaan Malaysia dikenali atas kemampuan menyediakan kepakaran serta mengamalkan sikap mesra, memahami keperluan sosiobudaya dan perundangan sesebuah negara.

Dalam mengekalkan status yang dihormati itu, Dr Mahathir berkata, mereka hendaklah menjadi pelabur dan ahli perniagaan yang bersih tanpa amalan rasuah.

“Rakyat Malaysia kini ada di serata dunia, malah di negara seperti Brazil dan Afrika ada orang Malaysia, mereka menjalankan perniagaan, menyediakan kepakaran dan menjadi perunding serta dihormati.

“Kita mahu rakyat Malaysia terus dihormati. Satu masalah bila kita menjalankan perniagaan di luar negara tentulah amalan rasuah, tolong hindari perkara ini. Orang Malaysia mesti menawarkan perkhidmatan yang baik dan mesra,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan komuniti pelabur dan ahli perniagaan Malaysia di Vietnam sempena lawatan rasmi ke negara itu, semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira kerana ahli perniagaan Vietnam sentiasa mampu menangani situasi dan cabaran di luar negara, terutama menghormati aspek perundangan serta belajar budaya dan bahasa di negara terbabit.